

**MEMPERKASA EKONOMI UMMAH MELALUI PEMANTAPAN  
JARINGAN TEMPATAN DAN PENEROKAAN BERKESAN DALAM  
PASARAN GLOBAL: PERSIAPAN MENDEPANI CABARAN BARU  
EKONOMI DUNIA**

oleh

*Y.B. Tan Sri Muhyiddin Hj. Mohd Yassin  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

1. Masyarakat dunia pada hari ini berhadapan dengan cabaran baru ekonomi kesan daripada kepesatan proses globalisasi dan pemesatan ekonomi pasaran. Dari satu sudut, proses globalisasi yang memudahkan pergerakan barangan, modal dan perkhidmatan rentas sempadan telah menggalakkan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa dan menyumbang kepada peningkatan nilai kekayaan dunia. Hasilnya, banyak negara-negara yang dahulunya disebut sebagai negara membangun kini muncul sebagai pusat-pusat baru pertumbuhan ekonomi dunia yang menyaingi negara-negara maju. Hampir separuh daripada kekayaan dunia pada hari ini dimiliki oleh negara-negara membangun, terutamanya negara-negara Asia.
2. Pada masa yang sama, proses globalisasi juga meningkatkan hubungan saling bergantung dalam sistem ekonomi dunia. Kegagalan pasaran atau kelemahan pelaksanaan dasar di sesebuah negara boleh menyebabkan berlakunya krisis ekonomi di seluruh dunia. Misalnya, krisis subprima di Amerika Syarikat yang berpunca daripada kelemahan dalam kawalselia sistem kewangan di negara itu dengan pantas memberi kesan negatif kepada seluruh sistem kewangan dunia. Akibat daripada krisis ini, banyak negara termasuk di Eropah dan Asia menjangkakan kadar pertumbuhan ekonomi yang rendah di negara masing-masing pada tahun ini dan tahun hadapan.
3. Lebih buruk lagi, proses globalisasi dan pemesatan ekonomi pasaran pada hari ini dipacu oleh budaya konsumerisme (*consumerist culture*) golongan kelas menengah. Sementara ekonomi pasaran memerlukan golongan kelas menengah sebagai kelompok pengguna asas, ia juga cenderung untuk menghakis kuasa beli golongan ini dengan menggalakkan perbelanjaan melebihi kemampuan. Bebanan kredit yang tinggi akibat perbelanjaan tidak

berhemah akhirnya menghakis kuasa beli golongan kelas menengah (*“hollowing-out” the middle class*) yang menyebabkan permintaan kepada barangan dan perkhidmatan menjadi rendah. Dalam sistem ekonomi global yang saling bergantung, pengurangan dalam permintaan akan memberi kesan negatif kepada negara-negara pengeluar barangan dan perkhidmatan. Negara-negara ini terpaksa mengurangkan pengeluaran dan seterusnya menjejaskan nasib golongan pekerja dan kelas menengah di negara mereka. Keadaan inilah yang dialami oleh masyarakat dunia sekarang ekoran daripada krisis subprima di Amerika Syarikat. Kegagalan mengawalselia sistem kewangan secara berhemah telah menyebabkan golongan kelas menengah di negara itu berbelanja melebihi kemampuan, terutamanya dalam pembelian hartanah, yang seterusnya mengakibatkan seluruh dunia pada ketika ini menghadapi prospek penguncupan ekonomi.

4. Negara-negara miskin tentu sekali menerima kesan paling buruk akibat krisis kewangan global ini. Golongan kelas menengah di negara-negara ini adalah terlalu kecil untuk menjana permintaan dalam negara bagi merangsang semula pertumbuhan ekonomi, sementara kerajaan mereka pula tidak mampu untuk menangani krisis secara berkesan kerana dibebani hutang luar yang menimbun. Kebanyakan negara ini turut berhadapan dengan masalah pertelagahan politik dalam negara yang kronik menyebabkan proses pemulihan ekonomi akan menjadi lebih sukar.
5. Bagi negara-negara membangun pula, kesan krisis kewangan global akan dirasai apabila jumlah eksport mengalami penurunan dan kadar pengangguran meningkat secara mendadak. Bank dunia meramalkan eksport daripada negara-negara membangun akan menurun sebanyak US\$95 billion pada tahun hadapan sementara 20 juta orang akan kehilangan pekerjaan. Oleh kerana ramai rakyat di negara-negara membangun bekerja di negara-negara maju, penguncupan ekonomi di negara maju juga bermakna berkurangnya jumlah *remittance* ke desa-desa di negara membangun. Bank Dunia meramalkan jumlah *remittance* ke negara-negara membangun pada tahun hadapan akan menyusut sebanyak 0.2 peratus daripada KDNK mereka. Negara seperti Bangladesh yang menerima *remittance* sekitar US\$8 billion setahun, atau 11 peratus daripada KDNK, akan menerima kesan buruk daripada krisis kewangan global ini.

6. Walaupun Malaysia tidak terkecuali daripada menerima tempas krisis kewangan global ini, kita bersyukur kerana asas-asas kewangan negara kita masih kukuh hasil daripada dasar, kawalselia dan langkah berhemah yang diamalkan oleh kerajaan sebelum ini. Selain dari itu, sebahagian aset pasaran modal di Malaysia juga adalah berteraskan prinsip syariah yang mengamalkan pengurusan berhemah, justeru mengurangkan risiko pendedahan kepada ketidaktentuan krisis kewangan global. Jumlah tabungan negara juga tinggi iaitu sebanyak 37 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini bermakna negara mempunyai lebih mudah tunai yang boleh digunakan untuk merangsang aktiviti ekonomi. Sektor perbankan negara juga kekal kukuh dengan hutang tak berbayar (NPL) yang rendah iaitu sebanyak 2.5 peratus.
  
7. Walaupun asas-asas ekonomi negara kekal kukuh, Kerajaan mengambil langkah strategik dalam menghadapi krisis kewangan global. Kerajaan telah memilih untuk melaksanakan dasar fiskal yang mengembang (*expansionary*) untuk merangsang ekonomi negara ketika ekonomi dunia sedang menguncup. Semasa menggulung perbahasan Bajet 2009 di Dewan Rakyat baru-baru ini, YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah mengumumkan beberapa langkah proaktif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dengan memanfaatkan penjimatan RM 7 bilion daripada subsidi minyak bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah:
  - Peruntukan sebanyak RM 1.2 billion bagi membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana;
  - RM 600 juta diperuntukkan bagi projek-projek kecil di bawah program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Projek Infrastruktur Asas;
  - RM 500 juta diperuntukkan bagi menyenggara dan membaik pulih kemudahan awam; antaranya sekolah, hospital dan jalanraya;

- RM 500 juta diperuntukkan untuk membina, menaiktaraf jalan-jalan di luar bandar, jalan-jalan kampung dan jalan-jalan pertanian, termasuk di Sabah dan Sarawak;
- RM 300 juta diperuntukkan bagi menubuhkan dana untuk melaksanakan program latihan kemahiran yang ditumpukan ke arah memenuhi keperluan majikan dan industri, terutamanya di Koridor-koridor Pembangunan;
- RM 500 juta diperuntukkan bagi menyelenggara dan memantapkan lagi sistem pengangkutan awam khususnya sistem LRT, Komuter dan sistem bas di bandar-bandar utama;
- RM 1.5 bilion diperuntukkan bagi menubuhkan Dana Pelaburan untuk menarik lebih banyak pelaburan sektor swasta;
- RM 400 juta diperuntukkan bagi menyejajarkan pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi;
- RM 200 juta diperuntukkan untuk pembangunan modal insan yang akan disalurkan kepada institusi latihan swasta yang mana pesertanya terdiri daripada golongan belia dan beliawanis daripada semua kaum;
- RM 200 juta diperuntukkan untuk menggerakkan semula projek perumahan yang terbengkalai di kawasan-kawasan strategik terpilih dan berdaya maju. Projek ini akan diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB); dan
- RM 100 juta diperuntukkan untuk menambahkan premis perniagaan kecil dan sederhana.

## **Cabaran kepada umat Islam**

8. Hasil daripada kecekapan mengurus ekonomi dan amalan kawalselia kewangan yang berhemah, negara kita mampu menghadapi proses globalisasi dan bersaing dalam ekonomi pasaran bebas. Justeru, walaupun ekonomi dunia sedang menguncup, insyaAllah negara kita akan berada pada kedudukan positif.
9. Pun begitu, hampir separuh daripada negara-negara Islam masih merupakan antara negara yang termiskin di dunia. Walaupun proses globalisasi dan kepesatan ekonomi pasaran telah meningkatkan nilai kekayaan dunia, negara-negara ini menghadapi kesukaran untuk membawa pembangunan kepada rakyat, apatah lagi untuk bersaing dalam ekonomi pasaran bebas.
10. Secara keseluruhan, penguasaan ekonomi negara-negara Islam masih rendah. Jika digabungkan, KDNK negara-negara Islam tidak lebih 5% daripada KDNK dunia. Walaupun negara-negara Islam menguasai 60% daripada hasil asli dunia, jumlah dagangan mereka hanyalah 7% daripada jumlah keseluruhan dagangan dunia. Malah, daripada 49 buah negara termiskin di dunia, 22 adalah terdiri daripada negara Islam. Kebanyakan daripada negara-negara ini masih dibelenggu oleh masalah kemiskinan dan hutang luar yang menimbun yang menghalang keupayaan mereka untuk bersaing dalam ekonomi dunia.
11. Proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan juga masih belum membawa kesan yang benar-benar positif kepada negara-negara Islam yang membangun. Masih banyak di kalangan negara-negara ini yang tidak mempunyai perjanjian perdagangan bebas antara satu sama lain menyebabkan wujudnya halangan tarif dan bukan tarif yang membantut aliran perdagangan dan pelaburan sesama negara Islam.
12. Dalam konteks inilah timbul persoalan tentang bagaimana umat Islam berupaya untuk mendepani cabaran baru ekonomi dunia yang semakin ditentukan oleh keupayaan untuk bersaing dalam menghadapi kepesatan proses globalisasi dan ekonomi pasar bebas.

Sejauhmanakah umat Islam berpeluang untuk mengambil bahagian secara berkesan dalam proses globalisasi dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing dan mencipta kekayaan.

13. Jika separuh daripada umat Islam di dunia pada hari ini masih tinggal di negara-negara yang dibelenggu kemiskinan, mereka tentu sekali menjadi mangsa, bukan peserta, proses globalisasi. Jika masalah ini tidak diatasi dengan segera, jurang kemiskinan di kalangan umat Islam akan melebar dan sebarang usaha untuk memperkasa ekonomi umat Islam akan berhadapan dengan situasi yang lebih sukar.

### **Memperkasa ekonomi ummah: Dasar dan Strategi**

14. Salah satu daripada usaha untuk memperkasa ekonomi umat Islam ialah melalui pemantapan jaringan di kalangan masyarakat perniagaan dan perdagangan Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dalam konteks ini, pengalaman “*bamboo networking*” di kalangan konglomerat Cina seberang laut (*overseas Chinese*) wajar dicontohi oleh komuniti perdagangan dan perindustrian Islam. Jaringan perniagaan tidak formal yang berasaskan sikap saling mempercayai antara konglomerat Cina seberang laut telah menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi di negara-negara Asia.

### ***Bamboo networking***

15. Apa yang menarik tentang *bamboo networking* ini ialah keupayaan konglomerat Cina seberang laut untuk menjadi komuniti ekonomi global yang berdaya maju dan berdikari. Mereka bukan sahaja menyediakan jaringan pasaran global bagi barangan dan perkhidmatan, malah menjadi sumber modal dalam komuniti yang dapat mengurangkan kebergantungan usahawan Cina kepada kerajaan. Dengan jumlah melebihi 50 juta orang di seluruh dunia dan anggaran nilai aset sebanyak US\$600 bilion, masyarakat Cina seberang laut merupakan sumber modal utama di negara-negara seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Malaysia, Filipina, Vietnam dan China. Kebangkitan Republik Rakyat China sebagai kuasa ekonomi dunia juga banyak disumbangkan oleh peranan

masyarakat Cina seberang laut, terutamanya dari Asia Tenggara, yang merupakan antara penanam modal utama di negara itu.

16. Walaupun wujud perbezaan dari segi demografi, budaya dan agama, umat Islam juga berpotensi untuk membina komuniti perniagaan dan perdagangan global yang berjaya seperti konglomerat Cina seberang laut. Umat Islam di seluruh dunia pada hari ini dianggarkan berjumlah 1.8 bilion orang. Daripada jumlah ini, 1.1 bilion atau 61% berada di Eropah, Amerika Utara dan Asia yang merupakan pusat-pusat utama pertumbuhan ekonomi dunia. Dengan jumlah seramai ini, umat Islam merupakan pengguna utama barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh komuniti perniagaan dan perdagangan Islam, di samping membuka peluang untuk mereka membina jaringan perniagaan global yang berkesan.

### **Membangun industri makanan halal**

17. Industri makanan halal misalnya merupakan satu sektor ekonomi yang berpotensi untuk menjadi pemangkin kepada pemantapan jaringan global komuniti perniagaan dan perdagangan Islam. Dengan nilai pasaran global yang dianggarkan kira-kira US\$547 bilion setahun, industri ini berupaya untuk memperkasa ekonomi umat Islam di seluruh dunia. Apa yang perlu dilakukan oleh komuniti perniagaan Islam ialah mempergiatkan usaha membentuk jaringan kerjasama global yang meliputi aspek pemprosesan makanan, pemasaran, penyediaan modal dan penyelidikan dan pembangunan. Institusi-institusi kewangan Islam pula perlu memainkan peranan yang bermakna dalam membantu memajukan industri ini melalui penyediaan kemudahan kewangan yang fleksibel kepada pengusaha-pengusaha yang berpotensi untuk maju.
18. Menyedari potensi sektor ini, Kerajaan telah memberi penekanan khusus kepada pembangunan industri halal dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) kini sedang menyediakan Pelan Induk Industri Halal yang antaranya menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan integriti halal serta meningkatkan aktiviti pengeluaran dan dagangan makanan halal. Malaysia, sebagai

sebuah negara Islam, mempunyai kelebihan daya saing dan berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi hab bagi promosi, pendedaran dan pengeluaran makanan halal. Melalui penganjuran *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) dan *World Halal Forum* (WHF) yang diadakan setiap tahun, Kerajaan mensasarkan pembentukan jaringan usahasama strategik antara pengusaha-pengusaha industri halal di kalangan komuniti perniagaan dan perdagangan Islam.

19. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM218.3 juta di bawah Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia ke-9, peningkatan sebanyak 95% daripada peruntukan asal Rancangan Malaysia Ke-9 sebanyak RM112 juta, untuk pembangunan industri makanan halal. Ini termasuklah peruntukan untuk membangunkan pusat industri makanan halal di Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu dan Pahang. Pembinaan infrastruktur pusat-pusat industri makanan halal ini sedang berjalan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini. Dengan komitmen Kerajaan terhadap industri makanan halal melalui pelaksanaan dasar dan program yang berterusan, komuniti perniagaan dan perdagangan Islam mempunyai peluang terbaik untuk berkecimpung dalam industri ini dan menyumbang kepada pemeraksanaan ekonomi ummah.

### **Sistem kewangan Islam dan logistik halal**

20. Industri halal tidak terhad kepada industri pengeluaran dan pemprosesan makanan sahaja tetapi merangkumi sektor perkhidmatan, seperti perbankan dan logistik. Sistem kewangan Islam kini berada di ambang dimensi baru kerana ia dilihat kurang berisiko. Ini kerana di samping menawarkan perkhidmatan kewangan tanpa faedah, sistem kewangan Islam mempunyai pelan dan dana jangka panjang, seperti institusi zakat, wakaf, baitulmal, sedekah dan hibah, yang mengurangkan risiko penyusutan sumber dana. Sektor perbankan dan kewangan Islam telah berkembang pesat dalam tempoh sepuluh tahun lalu dan kini dianggarkan bernilai US\$800 bilion. Dengan kadar perkembangan sekitar 10%-15% setahun, sektor ini dijangka mencecah nilai trilion dolar dalam masa terdekat. Krisis ekonomi global yang menyaksikan banyak bank dan institusi kewangan konvensional di dunia sedang berhadapan masalah tambah menyerlahkan potensi sistem

perbankan dan kewangan Islam yang berisiko rendah untuk muncul sebagai sektor yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

21. Dalam menghadapi ketidakpastian sistem kewangan global, usaha menjadikan dinar emas sebagai penjelasan dagangan pelbagai hala, sepertimana yang pernah dikemukakan oleh bekas Perdana Menteri YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad suatu ketika dahulu, wajar dipergiatkan semula. Penggunaan dinar emas, yang mempunyai nilai intrinsik dan stabil terhadap aktiviti spekulasi, sebagai perantara dagangan boleh membantu negara-negara Islam mengurangkan kesan ketidakpastian dan susut nilai matawang fiat yang menjadi perantara utama dalam perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, oleh kerana rakan dagang utama negara-negara Islam ialah negara-negara maju, seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun, yang terikat dengan status quo sistem ekonomi dan kewangan semasa, adalah wajar penggunaan dinar emas dilaksanakan secara selektif antara rakan dagang negara Islam.
  
22. Industri logistik halal juga merupakan salah satu bidang yang boleh ditingkatkan penyertaan dalam memasuki pasaran global, memandangkan masih ada ruang untuk industri logistik halal berkembang. Logistik Halal merupakan proses untuk mengusahakan, menggerak serta menyimpan inventori siap sebelum diedarkan, berlandaskan hukum syariah. Selain itu ia juga melibatkan pergudangan Halal, pengangkutan Halal dan *Halal - compliant* terminal.

### **Penjenamaan**

23. Dalam keadaan di mana wujud persaingan sengit dalam pasaran, penekanan terhadap aspek penjenamaan atau 'branding' adalah penting untuk meningkatkan pemasaran produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, terutamanya dalam industri halal. Penjenamaan bukan hanya menitikberatkan unsur syariah, tetapi termasuk tahap ataupun piawai penyediaan perkhidmatan serta barangan yang bermutu tinggi. Namun, aspek

penjenamaan sering kurang mendapat perhatian kerana kebanyakan syarikat berpandangan ia tidak memberikan pulangan seperti pelaburan ekuiti. Kerajaan dalam usaha untuk meyakinkan para usahawan dan peniaga agar melabur dalam aspek penjenamaan, telah menyediakan beberapa kemudahan, seperti Geran Promosi Jenama di bawah MATRADE di mana geran sehingga RM 2 juta boleh dipohon oleh syarikat serta Skim Pinjaman Mudah Penjenamaan Antarabangsa di bawah MIDF.

24. Bagi meningkatkan keupayaan enterpris kecil dan sederhana (EKS) bersaing di pasaran antarabangsa, Program Pembangunan Jenama EKS di bawah agensi SMIDEC turut dilaksanakan bertujuan untuk membantu produk serta perkhidmatan EKS menembusi pasaran antarabangsa. Antara inisiatif di bawah program ini adalah *National Mark* yang dijangka akan di lancarkan pada bulan Mac 2009 di mana EKS yang menyertai program ini perlu menjalani proses audit yang dilaksanakan oleh SIRIM. Sekiranya menepati piawai yang ditetapkan, EKS terbabit akan dianugerahkan *National Mark* dan akan diberi peluang untuk mengikuti aktiviti promosi perdagangan dengan MATRADE.

#### **Penyelidikan dan penerokaan dalam *niche areas***

25. Sebagai persiapan menghadapi mendepani cabaran baru ekonomi dunia, umat Islam juga wajar mempersiapkan diri dengan mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang strategik. Ini termasuklah penerokaan dalam bidang tenaga alternatif, seperti *biofuel*, yang boleh menggantikan petroleum sebagai sumber tenaga utama. Petronas sebagai antara syarikat pengeluar petroleum terbesar di kalangan negara Islam boleh menjalin usahasama dengan syarikat-syarikat pengeluar minyak dan institusi-institusi penyelidikan di negara-negara Islam lain untuk membangunkan sumber tenaga alternatif. Kerjasama ini mestilah bersifat jangka panjang, dengan tujuan untuk menggembeling *intellectual capital* dalam dunia Islam dalam rangka menghasilkan inovasi dalam teknologi tinggi, yang akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam khususnya dan masyarakat dunia amnya.

## **Membina keupayaan ekonomi Bumiputera**

26. Selain daripada menggalakkan industri dan sektor yang berpotensi untuk dimajukan oleh komuniti perdagangan dan perindustrian Islam, Kerajaan juga komited dalam melaksanakan dasar yang bertujuan untuk memajukan ekonomi Bumiputera. Dalam sebuah negara di mana sebahagian besar umat Islam merupakan golongan Bumiputera, sebarang usaha untuk memajukan ekonomi Bumiputera akan turut memberi impak yang besar kepada kemajuan ekonomi ummah. Oleh itu, di bawah teras strategik pengagihan saksama dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga, Kerajaan terus memberikan penekanan khusus kepada usaha menggalakkan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Ini termasuklah program mewujudkan peluang-peluang perniagaan bagi usahawan Bumiputera melalui penyediaan kemudahan kewangan, insentif, pembangunan eksport, pembangunan enterpris kecil dan sederhana, pembinaan upaya keusahawanan dan peruntukan saham khas Bumiputera.
  
27. Adalah menjadi harapan Kerajaan agar program seperti ini berjaya melahirkan usahawan Bumiputera yang mampu berdikari dan bersaing di peringkat domestik dan antarabangsa. Untuk itu, walaupun Kerajaan menggunakan pendekatan *interventionist* dalam memajukan ekonomi Bumiputera, penekanan khusus diberikan kepada usaha membina keupayaan (*capacity building*) usahawan Bumiputera dalam jangkamasa panjang, agar mereka mampu berdikari dan berdaya saing dalam mengurus perniagaan tanpa selamanya mengharapkan bantuan Kerajaan. Kerajaan percaya bahawa dalam konteks ekonomi dunia yang sedang mengalami proses liberalisasi yang pesat, keupayaan usahawan Bumiputera untuk berdikari dan bersaing dalam ekonomi pasaran bebas merupakan prasyarat utama kejayaan mereka. Pelbagai insentif dan galakan yang diberikan oleh Kerajaan untuk memajukan ekonomi Bumiputera perlu dilihat sebagai satu usaha membina keupayaan dan daya saing mereka, yang akhirnya diharapkan dapat memberi kesan positif kepada daya saing ekonomi negara secara keseluruhan.

## **Daya saing negara**

28. Pada masa yang sama, Kerajaan juga komited untuk memastikan pembangunan ekonomi Bumiputera berlaku secara seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Ini bagi memastikan negara tetap berdaya saing dalam menangani perubahan ekonomi yang sangat dinamik. Untuk itu, Kerajaan telah mengkaji semula beberapa dasar semasa, termasuk pelesenan dan syarat ekuiti, untuk menarik lebih banyak pelaburan asing.
  
29. Sekiranya dilihat dari segi daya saing dan pencapaian negara di peringkat antarabangsa, seperti yang dilaporkan oleh Institute of Management Development di Geneva, Switzerland, Malaysia telah mencatatkan peningkatan di dalam keempat-empat faktor ukuran daya saing, iaitu Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur. Walaupun begitu, Malaysia masih perlu berusaha, kerana seperti negara-negara lain, kerana Malaysia turut menghadapi cabaran-cabaran yang dipengaruhi oleh proses globalisasi. Pembukaan pasaran menerusi perjanjian perdagangan bebas yang telah ditandatangani, seperti *ASEAN Free Trade Agreement (AFTA)*, *ASEAN-China Free Trade Agreement*, *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* dan *Malaysia-Pakistan Comprehensive Economic Partnership Agreement*, menyediakan peluang peningkatan pasaran ke negara-negara ASEAN, China, Jepun dan Pakistan menerusi pengurangan duti import. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat dari negara terbabit akan turut menikmati peluang yang sama di Malaysia. Ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan tahap persaingan di pasaran negara kita. Proses liberalisasi secara berperingkat juga sedang dialami oleh sektor perkhidmatan tempatan yang sekian lama dilindungi disebalik dasar sosio-ekonomi Kerajaan. Proses ini juga mewujudkan persaingan ke atas sektor ini daripada syarikat-syarikat antarabangsa.

## **Kesejahteraan ekonomi dan perpaduan**

30. Dalam konteks sebuah negara majmuk seperti Malaysia, keupayaan negara untuk kekal berdaya saing, memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan melaksanakan pengagihan ekonomi secara adil merupakan prasyarat utama keutuhan negara dan

perpaduan masyarakat. Oleh itu, dalam melaksanakan dasar dan program pembangunan ekonomi Islam dan Bumiputera, Kerajaan sentiasa memastikan ianya tidak menjejaskan kepentingan kaum-kaum lain. Malah, Kerajaan sentiasa menggalakkan kerjasama antara masyarakat Islam dan bukan Islam dalam pelbagai sektor ekonomi agar manfaat pembangunan ekonomi boleh dikecap oleh semua.

## **Rumusan**

31. Ekonomi ummah yang kukuh dan mantap akan menjamin kemampuan umat Islam untuk menghadapi cabaran-cabaran baru ekonomi global. Dasar dan program Kerajaan dalam meningkatkan keupayaan ekonomi umat Islam di negara ini merupakan usaha berterusan untuk memastikan peningkatan daya saing ekonomi negara secara keseluruhan yang akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Justeru, umat Islam seharusnya bersedia mengambil inisiatif memperkukuhkan keupayaan mereka dan memantapkan jaringan perniagaan di peringkat tempatan dan antarabangsa, dalam usaha untuk meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran baru ekonomi dunia.